



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**PELUPUSAN LOJI DAN JENTERA
BAHAGIAN II -
JUALAN TERKAWAL**

KETETAPAN UMUM NO. 1/2018

TARIKH PENERBITAN: 26 FEBRUARI 2018



**PELUPUSAN LOJI DAN JENTERA
BAHAGIAN II –
JUALAN TERKAWAL**

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

**Ketetapan Umum No. 1/2018
Tarikh Penerbitan: 26 Februari 2018**

Diterbitkan oleh
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Edisi pertama

© 2018 oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Semua hak cipta terpelihara ke atas Ketetapan Umum ini adalah milik Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Satu salinan cetak atau elektronik boleh dibuat untuk kegunaan peribadi. Firma dan persatuan profesional dibenarkan untuk menggunakan Ketetapan Umum ini untuk tujuan latihan sahaja. Penerbitan semula secara sistemik atau berganda, pengedaran ke pelbagai lokasi melalui elektronik atau cara lain, duplikasi apa-apa bahan dalam Ketetapan Umum ini untuk bayaran atau tujuan komersil, atau pengubahsuaian kandungan Ketetapan Umum adalah dilarang sama sekali.



KANDUNGAN

Muka surat

1. Objektif	1
2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan	1
3. Tafsiran	1
4. Pengenalan	2
5. Layanan Cukai	3
6. Jualan Terkawal Aset yang disebabkan Kematian	15
7. Jualan Terkawal Aset Perkongsian	17
8. Pelupusan Aset dalam Tempoh Dua Tahun	19

KETETAPAN UMUM KETUA PENGARAH

Seksyen 138A Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) memperuntukkan bahawa Ketua Pengarah mempunyai kuasa untuk membuat Ketetapan Umum berkenaan dengan pemakaian mana-mana peruntukan dalam ACP.

Ketetapan Umum diterbitkan sebagai panduan kepada orang awam dan pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia. Ia menggariskan tafsiran Ketua Pengarah berhubung dengan peruntukan tertentu undang-undang cukai dan polisi serta prosedur yang terpakai mengenainya.

Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian daripada Ketetapan Umum ini melalui notis atau dengan penerbitan Ketetapan Umum yang baharu.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**

1. Objektif

Objektif Ketetapan Umum (KU) ini adalah untuk menerangkan –

- (a) maksud “kawalan” bagi sebuah syarikat dan perkongsian; dan
- (b) layanan cukai terhadap pelupusan dan pemerolehan aset antara dua pihak yang mempunyai hubungan dari segi kawalan.

2. Peruntukan Undang-Undang Berkaitan

- 2.1 KU ini mengambil kira undang-undang yang berkuat kuasa pada tarikh KU ini diterbitkan.
- 2.2 Peruntukan Akta Cukai Pendapatan 1967 (ACP) yang berkaitan dengan KU ini adalah perenggan 38, 39 dan 40 Jadual 3.
- 2.3 Perundangan subsidiari yang dirujuk dalam KU ini adalah Kaedah-Kaedah (Elaun-Elaun Modal dan Pengeunaan) Chukai Pendapatan 1969 [P.U.(A) 96/1969] (KKCP 1969).

3. Tafsiran

Perkataan yang digunakan dalam KU ini mempunyai maksud berikut:

- 3.1 “Aset” bermaksud loji dan jentera yang digunakan untuk tujuan perniagaan dan perbelanjaan yang layak telah dilakukan berhubung dengannya.
- 3.2 “Kawalan” berkaitan syarikat bermaksud kuasa seseorang untuk mengendalikan hal ehwal syarikat mengikut kehendaknya dengan cara pegangan saham, kuasa mengundi, kuasa yang diberi oleh perkara persatuan atau dokumen lain yang berkaitan dengan syarikat.

“Kawalan” berkaitan perkongsian bermaksud suatu hak untuk berkongsi lebih daripada setengah aset perkongsian atau lebih daripada setengah daripada keuntungan perkongsian yang boleh dibahagikan.
- 3.3 “Lupus” bermaksud aset dijual, dibuang atau dimusnahkan atau ia berhenti digunakan untuk tujuan perniagaan.
- 3.4 “Nilai Pasaran” bermaksud harga bagi barang yang dijual dalam satu transaksi di antara orang-orang yang tidak berkaitan yang berurusan pada harga selengan.

LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

- 3.5 “Orang” termasuk suatu syarikat, suatu kumpulan orang, suatu perkongsian liabiliti terhad dan suatu perbadanan tunggal.
- 3.6 “Perbelanjaan bakian” bermaksud kos aset tolak –
- (a) elaun permulaan;
 - (b) elaun tahunan;
 - (c) elaun nosional yang bersamaan dengan elaun tahunan jika dituntut atau yang boleh dituntut.
- 3.7 “Perbelanjaan yang layak” bermaksud perbelanjaan modal yang dilakukan untuk mengadakan, membina atau membeli loji dan jentera yang digunakan bagi tujuan perniagaan selain daripada aset yang mempunyai jangka hayat kurang daripada dua (2) tahun.

4. **Pengenalan**

- 4.1 Apabila seseorang melupuskan sesuatu aset dan elaun permulaan (EP) atau elaun tahunan (ET) telah dituntut dan dibenarkan atau boleh dibenarkan, pelupusan tersebut akan tertakluk kepada peruntukan kawalan jika –
- (a) pemeroleh aset mempunyai kawalan ke atas pelupus;
 - (b) pelupus aset mempunyai kawalan ke atas pemeroleh;
 - (c) orang lain mempunyai kawalan ke atas pelupus dan pemeroleh aset;
 - (d) pelupusan berlaku disebabkan oleh suatu skim pembentukan semula atau penggabungan syarikat; atau
 - (e) pelupusan dibuat secara suatu penyelesaian atau hadiah atau dengan penurunan harta pusaka aset si mati.
- 4.2 Bagi pelupusan aset yang tertakluk kepada kawalan, harga jualan dan harga pembelian adalah diabaikan dan tiada kenaan imbangan atau elaun imbangan dikenakan terhadap pelupus. Perbelanjaan yang layak (PYL) yang dilakukan oleh pemeroleh dan tarikh aset dianggap diperoleh oleh pemeroleh adalah ditentukan mengikut KKCP 1969.
- 4.3 Walau bagaimanapun, pelupusan aset yang tertakluk kepada kawalan di bawah peruntukan perenggan 38 hingga 40, Jadual 3 ACP, hanya terpakai jika syarat-syarat berikut dipatuhi oleh pelupus dan pemeroleh:

-
- (a) Pelupus pernah menuntut elaun modal terhadap aset yang dilupuskan;
 - (b) Pelupusan aset adalah di bawah salah satu situasi yang dinyatakan di perenggan 4.1 dalam KU ini; dan
 - (c) Aset masih digunakan bagi tujuan perniagaan pemeroleh pada akhir tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

5. Layanan Cukai

Perenggan 39 dan 40 Jadual 3 ACP menyatakan layanan cukai secara am berkaitan pelupusan dan pemerolehan aset yang tertakluk kepada kawalan. KKCP 1969 menerangkan dan menetapkan layanan cukai tersebut secara terperinci.

Pemakaian tafsiran kawalan adalah berdasarkan kepada fakta bagi setiap kes. Apabila terdapat suatu pelupusan dan pemerolehan aset antara dua pihak yang berkaitan berhubung dengan kawalan, beban bukti kewujudan kawalan tersebut terletak pada pembayar cukai (syarikat/perkongsian).

5.1 Tarikh pelupusan

- 5.1.1. Tarikh pelupusan suatu loji atau jentera yang tertakluk kepada kawalan adalah dianggap berlaku pada Hari Pertama Tempoh Akhir Pelupus (HPTAP).

Contoh 1

Tempoh akhir pelupus	1.11.2017 – 31.10.2018
Tarikh pelupusan aset	25.12.2017
HPTAP	1.11.2017

- 5.1.2. '**Tempoh Akhir Pelupus**' ialah tempoh asas pelupus untuk tahun taksiran yang bertepatan dengan tahun taksiran pertama pemeroleh layak menuntut elaun modal jika aset berkenaan digunakan bagi tujuan perniagaan pemeroleh.

Langkah 1:

Tentukan tarikh pelupusan sebenar.

Langkah 2:

Berdasarkan kepada tarikh pelupusan tersebut, tentukan tahun taksiran pertama pemeroleh layak menuntut elaun modal untuk aset yang dilupuskan itu.

Langkah 3:

Tentukan tempoh asas pelupus bagi tahun taksiran yang bertepatan dengan tahun taksiran pertama yang mana pemeroleh layak menuntut elaun modal yang dirujuk dalam Langkah 2. Tempoh asas pelupus ini dikenali sebagai "Tempoh Akhir Pelupus".

Contoh 2

Mum Sdn Bhd (MSB) dan Dad Sdn Bhd (DSB) merupakan syarikat terkawal dengan tahun kewangan berakhir pada 31 Oktober dan 30 Jun masing-masing. MSB melupuskan sebuah mesin kepada DSB pada 2.12.2016.

Langkah 1:

Tarikh pelupusan sebenar mesin kepada DSB = 2.12.2016

Langkah 2:

Tahun taksiran pertama DSB (pemeroleh) layak mendapat elaun modal ialah tahun taksiran 2017.

DSB (pemeroleh)	
Tarikh pelupusan sebenar	2.12.2016
Tempoh asas	1.7.2016 – 30.6.2017
Tahun taksiran	2017

Langkah 3:

MSB (pelupus)	
Tahun taksiran yang bertepatan	2017
Tempoh Akhir pelupus	1.11.2016 – 31.10.2017

Nota:

Tarikh pelupusan mesin dianggap berlaku pada 1.11.2016 iaitu pada HPTAP. Oleh itu, DSB dianggap melakukan PYL pada 1.11.2016.

5.2 Harga pelupusan

Harga pelupusan loji atau jentera yang tertakluk kepada kawalan adalah bersamaan dengan perbelanjaan bakian pelupus. Harga sebenar pelupusan bagi loji atau jentera tidak diambil kira.

Contoh 3

Astana Sdn Bhd (ASB) membeli sebuah jentera dengan harga RM150,000 pada 2.1.2014. Selepas digunakan, mesin itu dijual kepada Tunis Sdn Bhd (TSB) dengan harga RM95,000 pada 31.3.2016. Kedua-dua syarikat adalah di bawah kawalan Asoka Sdn Bhd dan tarikh penutupan akaun bagi kedua-dua syarikat tersebut adalah pada 31 Disember setiap tahun.

Pengiraan harga pelupusan bagi ASB adalah seperti berikut:

ASB (Pelupus)		
Tahun taksiran 2014 (1.1.2014 – 31.12.2014)		
	RM	RM
PYL		150,000
EP (20% x 150,000)	30,000	
ET (14% x 150,000)	<u>21,000</u>	<u>51,000</u>
Perbelanjaan bakian		99,000
Tahun taksiran 2015 (1.1.2015 – 31.12.2015)		

ET (14% x 150,000)		<u>21,000</u>
Perbelanjaan bakian		78,000
Tahun taksiran 2016 (1.1.2016 – 31.12.2016)		
Harga pelupusan		<u>78,000</u>
Kenaan imbangan atau elaun imbangan		<u>TIADA</u>

Oleh sebab pelupusan jentera adalah suatu jualan terkawal, maka harga jualan sebenar jentera RM95,000 oleh ASB (pelupus) kepada TSB (pemeroleh) tidak diambil kira dalam menentukan harga pelupusan. Perbelanjaan bakian aset pelupus sebanyak RM78,000 adalah dianggap sebagai harga pelupusan. Tiada kenaan imbangan atau elaun imbangan yang dikenakan terhadap pelupus.

5.3 Perbelanjaan yang layak

Pemeroleh dianggap melakukan PYL yang bersamaan dengan perbelanjaan bakian pelupus. Oleh itu, perbelanjaan modal yang dilakukan oleh pemeroleh untuk mendapatkan aset di bawah pelupusan yang tertakluk kepada kawalan (jika ada) tidak akan diambil kira.

- 5.3.1. Pemeroleh dianggap melakukan PYL pada HPTAP.
[Kaedah 3 dalam KKCP 1969]

Contoh 4

Aidil Sdn Bhd (ASB) dan Besto Sdn Bhd (BSB) adalah syarikat di bawah kawalan syarikat induk. Tempoh perakaunan bagi kedua-dua syarikat adalah seperti berikut:

Syarikat	Tarikh tutup akaun
ASB (pelupus)	31 Disember
BSB (pemeroleh)	30 Jun

ASB telah membeli sebuah aset berharga RM40,000 pada 2.5.2014 dan melupuskannya kepada BSB pada 31.5.2017 dengan harga RM30,000.

Pelupusan ini adalah tertakluk kepada kawalan.

Langkah 1:


Tarikh pelupusan sebenar = 31.5.2017.

Langkah 2:

Tahun taksiran pertama pemeroleh layak mendapat elaun modal untuk aset yang dilupuskan itu ialah tahun taksiran 2017 iaitu bagi tempoh asas 1.7.2016 hingga 30.6.2017.

Langkah 3:

“Tempoh Akhir Pelupus” adalah 1.1.2017 hingga 31.12.2017 iaitu tempoh asas yang bertepatan dengan tahun taksiran 2017. Maka, HPTAP ialah pada 1.1.2017.



Tarikh sebenar pelupusan adalah pada 31.5.2017 iaitu selepas tarikh HPTAP (1.1.2017). Maka, aset berkenaan dianggap telah dilupuskan kepada pemeroleh pada 1.1.2017 dan pemeroleh juga dianggap melakukan PYL pada 1.1.2017 iaitu dalam tahun taksiran 2017.

- 5.3.2. Sekiranya pelupus melakukan PYL (pembelian aset) pada atau selepas HPTAP, PYL itu dianggap dilakukan oleh pemeroleh pada tarikh yang sama iaitu tarikh perbelanjaan yang dilakukan oleh pelupus [Kaedah 4 dalam KKCP 1969].

Contoh 5

Ottawa Sdn Bhd (Ottawa) membeli sebuah mesin berharga RM80,000 pada 25.3.2017. Mesin itu kemudiannya dijual kepada Boston Sdn Bhd (Boston) pada 31.7.2017 dengan harga RM77,000.

Kedua-dua syarikat di bawah kawalan Asoka Sdn Bhd dan tempoh perakaunan bagi kedua-dua syarikat adalah seperti berikut:

Syarikat	Tarikh tutup akaun
Ottawa (pelupus)	31 Disember
Boston (pemeroleh)	31 Ogos

Langkah 1:


Tarikh pelupusan sebenar = 31.7.2017

Langkah 2:

Tahun taksiran pertama pemeroleh layak mendapat elaun modal ialah tahun taksiran 2017, iaitu bagi tempoh asas 1.9.2016 hingga 31.8.2017.

Langkah 3:

“Tempoh Akhir Pelupus” adalah pada 1.1.2017 hingga 3.12.2017 iaitu tempoh asas yang bertepatan dengan tahun taksiran 2017. Oleh itu, HPTAP ialah pada 1.1.2017.



Tarikh sebenar pelupus melakukan PYL ialah pada 25.3.2017 iaitu selepas HPTAP (1.1.2017). Oleh itu, pemeroleh dianggap telah melakukan PYL pada 25.3.2017. PYL bagi elaun modal ialah RM80,000. Bagi tahun taksiran 2017, pemeroleh layak diberi EP dan ET ke atas perbelanjaan RM80,000.

Pelupus dianggap telah melupuskan mesin pada 1.1.2017, maka pelupus tidak boleh menuntut elaun modal terhadap mesin itu bagi tahun taksiran 2017.

- 5.3.3. Apabila tarikh sebenar pelupusan loji atau jentera berlaku lebih awal daripada HPTAP, maka loji atau jentera tersebut akan

dianggap dimiliki dan digunakan oleh pelupus pada akhir tempoh asas sebelum HPTAP [Kaedah 5 dalam KKCP 1969].

Contoh 6

Semerah Sdn Bhd (Semerah) adalah dikawal sepenuhnya oleh Padi Sdn Bhd (Padi). Tarikh penutupan akaun bagi kedua-dua syarikat tersebut adalah seperti berikut:

Syarikat	Tarikh tutup akaun
Semerah (pelupus)	31 Mac
Padi (pemeroleh)	31 Januari

Semerah telah membeli sebuah jentera berharga RM60,000 pada 1.10.2013 dan jentera tersebut dijual kepada Padi pada 1.3.2016 dengan harga RM45,000.

Jualan tersebut merupakan suatu jualan terkawal.

Oleh sebab jentera itu dijual kepada pemeroleh pada 1.3.2016, maka pemeroleh layak menuntut elaun tahunan bagi tahun taksiran 2017 iaitu bagi tempoh asas 1.2.2016 hingga 31.1.2017.

“Tempoh Akhir Pelupus” yang berkaitan dengan tahun taksiran 2017 bagi Semerah ialah 1.4.2016 hingga 31.3.2017. Oleh itu, HPTAP bagi Semerah ialah 1.4.2016.



Tarikh pelupusan sebenar jentera ialah pada 1.3.2016 iaitu lebih awal daripada HPTAP (1.4.2016). Maka, jentera itu dianggap masih dimiliki dan digunakan hingga 31.3.2016. Oleh itu, pelupus layak diberi elaun modal sehingga tahun taksiran 2016.


Pengiraan elaun modal dan harga pelupusan bagi jentera adalah seperti berikut:

Semerah (Pelupus)		
Tahun taksiran 2014 (1.4.2013 – 31.3.2014)		
	RM	RM
PYL		60,000
EP (20% x RM60,000)	12,000	
ET (14% x RM60,000)	<u>8,400</u>	<u>20,400</u>
Perbelanjaan bakian		39,600
Tahun taksiran 2015 (1.4.2014 – 31.3.2015)		
ET (14% x RM60,000)		<u>8,400</u>
Perbelanjaan bakian		31,200
Tahun taksiran 2016 (1.4.2015 – 31.3.2016)		
ET (14% x RM60,000)		<u>8,400</u>
Perbelanjaan bakian		22,800
Tahun taksiran 2017 (1.4.2016 – 31.3.2017)		
Harga pelupusan		<u>22,800</u>
Kenaan imbangan atau elaun imbangan		<u>TIADA</u>
Padi (Pemeroleh)		
Tahun taksiran 2017 (1.2.2016 – 31.1.2017)		
Perbelanjaan bakian		22,800
ET (14% x RM60,000)		<u>8,400</u>
Perbelanjaan bakian		<u>14,400</u>

PYL yang dianggap dilakukan oleh pemeroleh pada 1.2.2016 ialah RM22,800 iaitu bersamaan dengan perbelanjaan bakian pelupus. EP tidak diberi kepada pemeroleh. Pemeroleh hanya layak menuntut ET yang bersamaan dengan amaun ET pelupus.

- 5.3.4. Jika sesuatu aset diperolehi oleh seorang pemeroleh (pemeroleh 1) daripada seorang pelupus (pelupus 1) dalam keadaan pelupusan yang tertakluk kepada kawalan dan kemudian aset itu dilupuskan kepada pemeroleh kedua (pemeroleh 2) dalam keadaan pelupusan biasa, maka pengiraan kenaan imbalan atau elaun imbalan dalam pelupusan ini kepada pelupus (pelupus 2 yang juga merupakan pemeroleh 1) hendaklah mengambil kira elaun modal yang diberi kepada pelupus 1 [Kaedah 6 dan Kaedah 9 dalam KKCP 1969].

Elaun-elaun yang telah dibenarkan kepada pelupus 1 adalah dianggap telah dibenarkan kepada pemeroleh 1 di bawah suatu pelupusan aset yang tertakluk kepada kawalan.




Contoh 7

Neslo Sdn Bhd (Neslo) adalah sebuah syarikat yang dikawal sepenuhnya oleh Tehlicks Sdn Bhd (Tehlicks). Neslo membeli sebuah aset dengan harga RM50,000 pada 1.4.2013 dan melupuskannya kepada Tehlicks pada 15.8.2014 dengan harga RM45,000.

Pada 15.5.2017, Tehlicks melupuskan aset tersebut kepada Alex Enterprise (Alex Ent.) dengan harga RM30,000 yang merupakan nilai pasaran aset berkenaan.

Neslo dan Tehlicks menyediakan akaun masing-masing untuk tempoh berakhir 30 Jun. Alex Ent. menyediakan akaunnya untuk tempoh berakhir 31 Disember.

Pelupusan aset di antara Neslo dan Tehlicks adalah suatu pelupusan yang tertakluk kepada kawalan, manakala pelupusan aset di antara Tehlicks dan Alex Ent. adalah suatu pelupusan biasa.



Terdapat dua tarikh pelupusan iaitu suatu pelupusan yang tertakluk kepada kawalan pada 15.8.2014 dan suatu pelupusan biasa pada 15.5.2017.

Tahun pertama Tehlicks (pemeroleh 1) boleh menuntut elaun modal bagi aset tersebut adalah untuk tahun taksiran 2015 iaitu bagi tempoh asas 1.7.2014 hingga 30.6.2015.

“Tempoh Akhir pelupus” adalah 1.7.2014 hingga 30.6.2015. Maka, HPTAP bagi Neslo (pelupus 1) ialah pada 1.7.2014.

Pengiraan elaun modal dan harga pelupusan aset adalah seperti berikut:

Neslo (Pelupus 1)		
	RM	RM
PYL aset pada 1.4.2013		50,000
Tahun taksiran 2013 (1.7.2012 – 30.6.2013)		
EP (20% x RM50,000)	10,000	
ET (14% x RM50,000)	<u>7,000</u>	<u>17,000</u>
Perbelanjaan bakian		33,000
Tahun taksiran 2014 (1.7.2013 – 30.6.2014)		
ET (14% x RM50,000)		<u>7,000</u>
Perbelanjaan bakian		26,000

Tahun taksiran 2015 (1.7.2014 – 30.6.2015)		
Harga pelupusan (pelupusan terkawal)		<u>26,000</u>
Kenaan imbalan atau elaun imbalan		<u>TIADA</u>
Tehlicks (Pemeroleh 1 & Pelupus 2)		
	RM	RM
Tahun taksiran 2015 (1.7.2014 – 30.6.2015)		
Perbelanjaan bakian		26,000
ET (14% x RM50,000)		<u>7,000</u>
Perbelanjaan bakian		19,000
Tahun taksiran 2016 (1.7.2015 – 30.6.2016)		
ET (14% x RM50,000)		<u>7,000</u>
Perbelanjaan bakian		12,000
Tahun taksiran 2017 (1.7.2016 – 30.6.2017)		
Harga pelupusan (pelupusan biasa)		<u>30,000</u>
Kenaan imbalan		<u>18,000</u>
Alex Ent. (Pemeroleh 2)		
PYL		30,000
Tahun taksiran 2017 (1.1.2017 – 31.12.2017)		
EP (20% x RM30,000)	6,000	
ET (14% x RM30,000)	<u>4,200</u>	<u>10,200</u>
Perbelanjaan bakian		<u>19,800</u>

Pengiraan kenaanimbangan untuk Tehlicks hendaklah mengambil kira elaun modal yang telah diberi kepada Neslo. Oleh itu, kenaanimbangan RM18,000 dikenakan ke atas Tehlicks walaupun elaun tahunan yang dituntut olehnya hanyalah RM14,000. Jumlah elaun modal yang telah dituntut oleh Neslo dan Tehlicks adalah RM38,000.

- 5.3.5. Perenggan 39 Jadual 3 ACP tidak terpakai jika loji atau jentera tidak terus digunakan dalam perniagaan pemeroleh sebaik sahaja berlakunya jualan terkawal. Maka, pelupusan di bawah perenggan 38 Jadual 3 ACP seolah-olah tidak berlaku dan pemindahan dianggap sebagai suatu pelupusan biasa. Pelupus akan dikenakan elaunimbangan atau kenaanimbangan yang mana berkaitan.

Contoh 8

Adil Cetak Sdn Bhd (ACSB) dan Fine Arts Sdn Bhd (FASB) menutup akaun masing-masing pada 31 Disember dan dikawal oleh syarikat induk iaitu LSE Holding Bhd. Kedua-dua syarikat menjalankan perniagaan mencetak baju.

Pada 15.5.2015, ACSB membeli sebuah mesin mencetak baju T-shirt dengan harga RM300,000. Selepas digunakan, mesin itu dijual kepada FASB pada 2.1.2017 dengan harga RM200,000.

Nilai pasaran mesin tersebut adalah RM100,000. Selepas memperoleh mesin tersebut, FASB tidak menggunakan mesin tersebut dalam perniagaannya.

Jualan mesin tersebut kepada FASB adalah satu jualan terkawal. Oleh sebab FASB tidak menggunakannya bagi tujuan perniagaannya, maka perenggan 39 Jadual 3 ACP tidak terpakai. Peruntukan biasa dalam Jadual 3 ACP akan terpakai.

ACSB (Pelupus)	RM	RM
Tahun taksiran 2015 (1.1.2015 – 31.12.2015)		
PYL		300,000
EP (20% x RM300,000)	60,000	
ET (14% x RM300,000)	<u>42,000</u>	<u>102,000</u>

Perbelanjaan bakian		198,000
Tahun taksiran 2016 (1.1.2016 – 31.12.2016)		
ET (14% x RM300,000)		<u>42,000</u>
Perbelanjaan bakian		156,000
Tahun taksiran 2017 (1.1.2017 – 31.12.2017)		
Harga pelupusan (RM200,000) Atau Nilai pasaran (RM100,000) yang mana lebih tinggi		<u>200,000</u>
Kenaan imbalan		<u>44,000</u>

6. **Jualan Terkawal Aset yang disebabkan Kematian**

Peruntukan bagi jualan terkawal di bawah ACP dan KKCP 1969 juga terpakai jika aset yang digunakan dalam perniagaan si mati dipindahkan kepada perniagaan penerima aset tersebut di bawah terma suatu wasiat.

Contoh 9

Encik Teoh meninggal dunia pada 21.11.2015 setelah mengalami kemalangan jalan raya. Perniagaan kedai runcit yang diusahakannya selama 25 tahun telah diwasiatkan kepada anaknya, David.

Perniagaan runcit tersebut diambil alih oleh David pada 21.11.2015 dan akaun disediakan untuk tempoh berakhir 31 Disember iaitu sama seperti akaun perniagaan asal yang diusahakan oleh bapanya.

Antara aset yang diperolehi adalah mesin pemerah kelapa yang dibeli pada 5.5.2013 dengan harga RM20,000.

Langkah 1:

Tarikh pelupusan sebenar = tarikh kematian = 21.11.2015

Langkah 2:

Tahun taksiran pertama David layak menuntut elaun modal untuk mesin tersebut adalah bagi tahun taksiran 2015 iaitu bagi tempoh asas 1.1.2015 hingga 31.12.2015.

Langkah 3:

“Tempoh Akhir Pelupus” adalah 1.1.2015 hingga 31.12.2015. Maka, HPTAP (Encik Teoh) ialah pada 1.1.2015.

Perniagaan Encik Teoh	RM	RM
PYL		20,000
Tahun taksiran 2013		
EP (20% x RM20,000)	4,000	
ET (14% x RM20,000)	<u>2,800</u>	<u>6,800</u>
Perbelanjaan bakian		13,200
Tahun taksiran 2014		
ET (14% x RM20,000)		<u>2,800</u>
Perbelanjaan bakian		<u>10,400</u>
Perniagaan David		
PYL dianggap telah dilakukan pada tarikh perniagaan diambil alih iaitu pada 21.11.2015.		
Tahun taksiran 2015		
PYL		10,400
ET (14% x RM20,000)		<u>2,800</u>
Perbelanjaan bakian		7,600
Tahun taksiran 2016 - 2017		
ET (2 x RM2,800)		<u>5,600</u>
Perbelanjaan bakian		<u>2,000</u>

7. **Jualan Terkawal Aset Perkongsian**

Peruntukan bagi jualan terkawal di bawah ACP dan KKCP 1969 juga terpakai kepada aset perkongsian yang dilupuskan oleh seorang ahli kongsi kepada seorang pemeroleh yang tertakluk kepada kawalan seperti yang dirujuk pada perenggan 4.1 dalam KU ini. Sila rujuk tafsiran kawalan berkaitan perkongsian di perenggan 3.1 dalam KU ini.

Contoh 10

Aisyah dan Maria adalah dua orang ahli kongsi sebuah perniagaan salun kecantikan iaitu Perkongsian Qu Lava. Keuntungan perniagaan perkongsian dibahagi mengikut nisbah modal syer ahli kongsi iaitu 1/3 bahagian Aisyah dan 2/3 bahagian Maria. Akaun perkongsian berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Perkongsian Qu Lava dikawal oleh Maria kerana bahagiannya dalam perkongsian adalah lebih daripada setengah (1/2).

Contoh 11

Fakta adalah sama seperti di Contoh 10 kecuali Maria telah melupus aset perkongsian iaitu sebuah mesin sauna kepada sebuah syarikat yang dikawal olehnya iaitu De Molek Sdn Bhd (DMSB). Maria adalah pemegang saham dan pengarah dalam syarikat tersebut. DMSB menutup akaun perniagaannya pada 31 Disember setiap tahun.

Mesin sauna tersebut dibeli oleh Perkongsian Qu Lava dengan harga RM100,000 pada 30.4.2014. Kemudian ia dilupuskan kepada DMSB pada 15.2.2017 dengan harga RM60,000. DMSB telah menggunakan mesin sauna itu dalam perniagaannya.

Pelupusan mesin sauna tersebut kepada DMSB adalah satu jualan terkawal, maka perenggan 38 dan 39 Jadual 3 ACP akan terpakai.

Langkah 1:

Tarikh pelupusan sebenar mesin sauna kepada DMSB = 15.2.2017.

Langkah 2:

Tahun taksiran pertama DMSB (pemeroleh) layak mendapat elaun modal ialah tahun taksiran 2017 bagi tempoh 1.1.2017 hingga 31.12.2017.

Langkah 3:

Tempoh asas Perkongsian Qu Lava (pelupus) untuk tahun taksiran yang bertepatan dengan tahun taksiran pertama pemeroleh layak menuntut elaun modal ialah tahun taksiran 2017.

Maka, tarikh pelupusan mesin dianggap berlaku pada 1.1.2017 iaitu pada HPTAP. Oleh itu, pemeroleh dianggap melakukan PYL pada 1.1.2017.

Perkongsian Qu Lava (Pelupus)	RM	RM
Tahun taksiran 2014		
PYL		100,000
EP (20% x RM100,000)	20,000	
ET (14% x RM100,000)	<u>14,000</u>	<u>34,000</u>
Perbelanjaan bakian		66,000
Tahun taksiran 2015 - 2016		
ET (RM14,000 x 2)		<u>28,000</u>
Perbelanjaan bakian		38,000
Tahun taksiran 2017		
Harga pelupusan		<u>38,000</u>
Kenaan imbangan atau elaun imbangan		<u>TIADA</u>
DMSB (Pemeroleh)		
Tahun taksiran 2017		
Perbelanjaan bakian		38,000
ET (14% x RM100,000)		<u>14,000</u>
Perbelanjaan bakian		<u>24,000</u>

8. Pelupusan Aset dalam Tempoh Dua Tahun

Perenggan 71 Jadual 3 ACP tidak terpakai kepada pelupusan loji dan jentera dalam keadaan pelupusan terkawal. Sila rujuk kepada perenggan 4.2 dalam KU ini untuk penjelasan.

Contoh 12

Aseanic Sdn Bhd (ASB) adalah dikawal sepenuhnya oleh Beto Sdn Bhd (BSB). Tarikh penutupan akaun bagi kedua-dua syarikat adalah pada 31 Disember. ASB membeli sebuah jentera dengan harga RM60,000 pada 1.6.2017 dan melupuskannya kepada BSB pada 1.2.2018 dengan harga RM55,000.

Tahun pertama BSB (pemeroleh) boleh menuntut elaun modal bagi jentera tersebut adalah untuk tahun taksiran 2018 iaitu bagi tempoh asas 1.1.2018 hingga 31.12.2018.

Tempoh Akhir pelupus (ASB) adalah 1.1.2018 hingga 31.12.2018. Maka, HPTAP bagi ASB ialah pada 1.1.2018.

Oleh sebab pelupusan itu adalah tertakluk kepada kawalan maka perenggan 71 Jadual 3 ACP tidak terpakai. Pengiraan elaun modal dan harga pelupusan jentera adalah seperti berikut:

ASB (Pelupus)	RM	RM
Tahun taksiran 2017		
PYL		60,000
EP (20% x RM60,000)	12,000	
ET (14% x RM60,000)	<u>8,400</u>	<u>20,400</u>
Perbelanjaan bakian		39,600
Tahun taksiran 2018		
Harga pelupusan (pelupusan terkawal)		<u>39,600</u>
Kenaan imbalan atau elaun imbalan		<u>TIADA</u>

Contoh 13

Fakta adalah sama seperti di Contoh 12 kecuali, BSB kemudiannya telah melupuskan jentera tersebut kepada Classic Enterprise (C Ent.) pada 1.3.2019 dengan harga RM50,000 yang merupakan nilai pasaran jentera berkenaan. Pelupusan jentera itu antara BSB dan C Ent. adalah suatu pelupusan biasa.

BSB (Pemeroleh)	RM	RM
Tahun taksiran 2018		
Perbelanjaan bakian		39,600
ET (14% x RM60,000)		<u>8,400</u>
Perbelanjaan bakian		<u>31,200</u>
Tahun taksiran 2019		
Harga pelupusan (pelupusan biasa)		<u>50,000</u>
Kenaan imbangan		<u>18,800</u>

Pengiraan kenaan imbangan untuk BSB hendaklah mengambil kira elaun modal yang telah diberi kepada ASB. Jumlah elaun modal yang telah dituntut oleh ASB dan BSB adalah RM28,800. Maka, kenaan imbangan sebanyak RM18,800 dikenakan ke atas BSB walaupun elaun tahunan yang dituntut olehnya hanyalah RM8,400. [Kaedah 6 dan Kaedah 9 dalam KKCP 1969].

9. Penolakan Tuntutan

Contoh-contoh dalam PR ini adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja dan tidak menyeluruh.

**Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri,
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.**